



MELINDUNGI  
PENGGUNA KEWANGAN  
**RINGKASAN RANCANGAN  
KORPORAT 2017 - 2019**



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia  
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia





Perbadanan Insurans Deposit Malaysia  
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia

## RINGKASAN EKSEKUTIF RANCANGAN KORPORAT 2017 - 2019

### MANDAT



#### Mentadbir dua sistem perlindungan konsumen kewangan:

- Sistem Insurans Deposit
- Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

#### Menyediakan perlindungan terhadap kehilangan:

- Deposit yang disimpan di bank-bank ahli
- Manfaat takaful atau insurans daripada ahli penginsurans

#### Menyediakan insentif kepada institusi ahli kami bagi pengurusan risiko mantap dalam sistem kewangan

#### Menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan

### VISI



Menjadi pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan dan resolusi dengan amalan terbaik

### MISI



Melaksanakan mandat kami secara efektif, dengan komitmen untuk membawa perubahan kepada komuniti kita dan kakitangan kami

# KEUTAMAAN STRATEGIK

## Rejim Resolusi Efektif

**Pembentukan rejim resolusi yang efektif bagi institusi ahli adalah untuk menyokong kekukuhan sistem kewangan negara berserta dengan pertumbuhan ekonomi**

- Latihan perintis dan perundingan industri bagi perancangan resolusi, termasuk penilaian kebolehselesaian
- Rangka Kerja Pengkadaran Kebolehselesaian dan Metodologi
- Pembabitian pemegang kepentingan bagi perancangan resolusi

## Pengurusan Modal Insan Strategik

**Strategi modal insan yang strategik dan efektif merupakan asas kepada kejayaan dan kemampuan jangka panjang PIDM**

- Kecekapan, kepimpinan dan pembangunan kakitangan
- Keterlibatan kakitangan dan pengurusan kerjaya
- Organisasi pembelajaran

## Pengurusan Pemegang Kepentingan dan Tadbir Urus Korporat

**Pengurusan pemegang kepentingan adalah penting bagi PIDM untuk melaksanakan mandatnya dan untuk diiktiraf sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan dan resolusi yang berwibawa**

- Penglibatan orang awam untuk meningkatkan kesedaran mengenai PIDM, Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, dan mengukuhkan keyakinan terhadap PIDM
- Tadbir urus korporat dalam sektor awam

## SOROTAN RANCANGAN KEWANGAN 2017

**Pendapatan**  
RM585  
juta

**Perbelanjaan Operasi**  
RM120  
juta

**Perbelanjaan Modal**  
RM6.9  
juta

**Kumpulan Dana Insurans Deposit**  
RM2.01  
bilion

**Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans**  
RM1.54  
bilion



### **Melindungi Pengguna Kewangan**

Kepelbagaian warna pada kulit luar menggambarkan kekayaan dan semangat Malaysia, sebuah negara yang progresif yang terus membangun dan berkembang maju. PIDM adalah satu bahagian penting dalam sistem jaringan keselamatan kewangan negara. Dalam pelbagai lapisan interaktiviti ekonomi dan sosial, kami memainkan peranan yang teguh dalam melindungi kepentingan pengguna kewangan, memastikan ketenangan minda, dan menggalak serta menyumbang kepada keyakinan awam terhadap kestabilan sistem kewangan.



Rancangan ini boleh didapati di  
[www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)



# MANDAT KAMI

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia merupakan sebuah badan berkanun. Mandat Perbadanan ialah untuk:

- (a) mentadbir sistem insurans deposit serta sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans;
- (b) menyediakan perlindungan terhadap kehilangan deposit dalam sesebuah bank ahli, atau bagi ahli penginsurans atau takaful, terhadap kehilangan manfaat takaful atau insurans;
- (c) menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan; dan
- (d) menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Dalam mencapai matlamat di bawah perenggan (b) dan (d), Perbadanan akan bertindak dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Perbadanan menyediakan perlindungan berasingan untuk produk Islam dan konvensional yang relevan bagi institusi ahli dalam sistem kewangan.



# VISI KAMI

Menjadi pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan dan resolusi dengan amalan terbaik



# MISI KAMI

Melaksanakan mandat kami secara efektif, dengan komitmen untuk membawa perubahan kepada komuniti kita dan kakitangan kami



# NILAI KORPORAT KAMI

- Pengelolaan Kewangan yang Berhemat
- Kecemerlangan dan Profesionalisme
- Hormat dan Adil
- Integriti dan Kebolehpercayaan
- Komunikasi dan Kerja Berpasukan



# OBJEKTIF KORPORAT KAMI

- Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat
- Perkongsian efektif
- Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik
- Keupayaan penilaian dan pemantauan risiko, intervensi serta resolusi yang kukuh
- Amalan urusan dan kewangan yang mantap
- Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan
- Persekitaran korporat yang kondusif

# ISI KANDUNGAN

<b>BAHAGIAN 1</b>	
<b>PENGENALAN</b>	
	2 Perancangan Jangka Panjang
<b>BAHAGIAN 2</b>	
<b>RANCANGAN 2017 - 2019</b>	
	4 Persekitaran Operasi
	4 Ulasan Pengurusan Risiko Organisasi
	6 Andaian Perancangan Utama
	6 Sorotan Rancangan Tiga Tahun Kami
	10 Kad Skor Korporat 2017 - 2019
	12 Rancangan Kewangan 2017
	16 Unjuran Kewangan 2018 - 2019
<b>BAHAGIAN 3</b>	
<b>PERBANDINGAN PRESTASI</b>	
<b>DENGAN RANCANGAN</b>	
<b>KORPORAT TAHUN</b>	
<b>SEBELUMNYA</b>	
	21 Sorotan Pencapaian Utama Kami bagi Tahun 2016
	22 Imbasan Kad Skor Korporat 2016
	25 Prestasi Kewangan Lepas – Tahun 2016
<b>BAHAGIAN 4</b>	
<b>LANGKAH-LANGKAH</b>	
<b>SETERUSNYA</b>	
	28 Ringkasan Rancangan Korporat 2017 - 2019
	28 Memantau Kemajuan Berbanding Dengan Rancangan yang Diluluskan
<b>BAHAGIAN 5</b>	
<b>KESIMPULAN</b>	
	30 Halangan Pencapaian Rancangan Korporat
	30 Ringkasan
<b>LAMPIRAN</b>	
	32 Mengenai Perbadanan
	33 Institusi Ahli
	34 Lembaga Pengarah
	35 Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif
	36 Rangka Kerja Pengurusan Strategik
	39 Butiran Hubungan



**BAHAGIAN**

**1**

**PENGENALAN**

Perancangan Jangka Panjang



# PENGENALAN

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) menerbitkan Rancangan Korporat tiga tahunnya pada setiap tahun. Rancangan Korporat ini menggariskan keutamaan strategik yang memacu aktiviti bagi tempoh perancangan tahun 2017 - 2019, objektif dan inisiatif sokongan serta sasaran prestasi masing-masing.

Perbadanan akan terus menggunakan rangka kerja pengurusan strategiknya untuk membuat perancangan. Rangka kerja ini menggabungkan penelitian luaran persekitaran operasi kami serta pengenalpastian dan penilaian risiko-risiko ketara yang perlu ditangani oleh Perbadanan agar tidak menjejaskan pencapaian objektif Perbadanan. Andaian perancangan kami adalah berdasarkan kepada penelitian persekitaran ini.

## PERANCANGAN JANGKA PANJANG

Selepas 10 tahun beroperasi, perancangan tahun 2015 kami lebih tertumpu kepada bagaimana untuk memastikan PIDM terus dapat menyumbang nilai-nilai berkaitan kepada pemegang kepentingan kami dalam tempoh jangka panjang. Objektif strategik PIDM adalah untuk memastikan kejayaan berterusan dan mampan bagi PIDM. Berpandukan kepada objektif ini, tiga keutamaan strategik Perbadanan adalah seperti berikut:

Keutamaan Strategik	Objektif
Pelan Modal Insan Strategik	Untuk terus menggalakkan persekitaran kerja yang kondusif bagi meningkatkan kecemerlangan dan keberkesanan, dengan menumpukan kepada pengurusan modal insan yang aktif dan pembelajaran berterusan.
Rejim Resolusi Efektif	Untuk merancang rejim resolusi efektif serta mengenal pasti dan mengurangkan halangan kepada resolusi, bagi menyumbang kepada keyakinan awam dan kestabilan dalam sistem kewangan.
Penglibatan Pemegang Kepentingan dan Tadbir Urus Korporat	Untuk terlibat secara strategik dengan pemegang kepentingan utama dan membina keyakinan dan kepercayaan terhadap PIDM, termasuk menerusi penggunaan pakai amalan terbaik dalam tadbir urus korporat.

Ringkasan kemajuan strategi dan inisiatif utama berkaitan dengan keutamaan strategik boleh didapati di Bahagian 2 dan 3 Rancangan ini.



**BAHAGIAN**

**2**

**RANCANGAN 2017 - 2019**

Persekitaran Operasi

Ulasan Pengurusan Risiko Organisasi

Andaian Perancangan Utama

Sorotan Rancangan Tiga Tahun Kami

Kad Skor Korporat 2017 - 2019

Rancangan Kewangan 2017

Unjuran Kewangan 2018 - 2019

# RANCANGAN 2017 - 2019

## PERSEKITARAN OPERASI

Perbadanan terus memantau dan menilai aliran dan perkembangan global dan domestik serta persekitaran operasi institusi ahlinya.

Berdasarkan kepada penelitian persekitaran, kami merumuskan seperti berikut:

- (a) Berikutan keadaan persekitaran global yang mencabar, ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 4 hingga 5 peratus<sup>1</sup> berbanding anggaran sebanyak 4 hingga 4.5 peratus pada tahun 2016. Perbelanjaan sektor swasta, disokong oleh bajet yang menyokong pertumbuhan dan polisi akomodatif, dijangka menjadi pemacu pertumbuhan utama.
- (b) Meskipun landskap operasi dan persekitaran perniagaan adalah mencabar, sektor perbankan kekal berdaya tahan, dengan penimbal modal teguh, kualiti aset kukuh, keuntungan yang mampan dan mudah tunai mencukupi dalam keadaan pertumbuhan yang perlahan. Prospek bagi industri insurans juga terus menunjukkan prestasi mantap, dengan paras keuntungan yang baik, kedudukan modal yang kukuh dan tuntutan boleh diurus.









## ULASAN PENGURUSAN RISIKO ORGANISASI

Berpandukan kepada penilaian risiko tahun 2016, kami merumuskan bahawa risiko-risiko Perbadanan adalah sama ada “boleh diterima” atau “boleh diurus” dengan aliran risiko kekal stabil atau meningkat, seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah. Bagi kategori risiko yang dinilai sebagai “boleh diurus”, pelan tindakan atau inisiatif khusus akan dilaksanakan untuk menangani risiko ini dan kami akan terus memantau pengkadaran risiko dan pelaksanaan pelan tindakan atau inisiatif tersebut.

Kategori Risiko	Pengkadaran Risiko Residual	Aliran Risiko
<p><b>(a) Risiko Kewangan:</b></p> <p>Risiko berkaitan dengan pergerakan negatif dalam nilai aset dan liabiliti kewangan Perbadanan, kedua-duanya di dalam dan di luar lembaran imbalan serta keupayaan Perbadanan untuk memenuhi obligasi kewangan operasinya. Kategori Risiko Kewangan, biasanya didorong oleh faktor-faktor luaran, secara umumnya terdiri daripada Risiko Pasaran (termasuk ekuiti, mata wang asing atau aset, kadar faedah yang memberi kesan kepada harga atau nilai), Risiko Mudah Tunai dan Risiko Kredit.</p>	●	○
<p><b>(b) Risiko Insurans:</b></p> <p>Risiko berkaitan dengan penilaian, pemantauan, intervensi dan resolusi kegagalan institusi ahli, dan risiko-risiko berkaitan lain yang wujud dalam mentadbir Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.</p>	●	▲





<sup>1</sup> Bajet 2017

## RANCANGAN 2017 - 2019




Kategori Risiko	Pengkadaran Risiko Residual	Aliran Risiko
<p><b>(c) Risiko Operasi:</b> Risiko berkaitan dengan operasi harian Perbadanan termasuk kekurangan atau kegagalan proses dalaman dan sistem yang boleh menjejaskan keupayaan Perbadanan untuk melaksanakan mandatnya.</p>		
<p><b>(d) Risiko Reputasi:</b> Risiko berkaitan dengan reputasi Perbadanan termasuk kepercayaan dan keyakinan pemegang kepentingan terhadap Perbadanan, berserta kemampuan dan keupayaan Perbadanan untuk melaksanakan mandatnya.</p>		
<p><b>(e) Risiko Strategik:</b> Risiko berkaitan dengan strategi dan tadbir urus Perbadanan dalam mencapai mandat, visi, misi, objektif atau inisiatifnya.</p>		
<p><b>(f) Risiko Kakitangan:</b> Risiko berkaitan dengan kakitangan Perbadanan dan bagaimana Perbadanan mengurus atau memperlakukan kakitangannya.</p>		

Rancangan Korporat kami menggabungkan pelan tindakan risiko dan inisiatif untuk menangani risiko-risiko utama yang dikenal pasti dalam kategori-kategori yang relevan.

### Definisi Pengkadaran Risiko Residual

Pengkadaran Risiko	Definisi
<b>Boleh Diterima</b> 	Keseluruhannya, risiko residual boleh diterima dan amalan pengurusan risiko yang sewajarnya dilaksanakan.
<b>Boleh Diurus</b> 	Keseluruhannya, risiko residual mewajarkan pelan tindakan risiko sebagai mitigasi, dan tindakan mitigasi yang sesuai dan tepat pada masa dilaksanakan untuk menangani risiko tersebut.
<b>Peringatan</b> 	Keseluruhannya, risiko residual mewajarkan pemantauan rapi, dan / atau inisiatif yang telah dikenal pasti sebelumnya untuk mengukuhkan pengurusan risiko yang tidak dilaksanakan sepenuhnya, walaupun tindakan yang sesuai dan tepat pada masa sedang dijalankan untuk berbuat demikian.
<b>Kebimbangan Serius</b> 	Keseluruhannya, risiko residual tidak boleh diterima; termasuk jurang ketara yang mungkin wujud dalam amalan dan kawalan pengurusan risiko.

### Aliran Risiko

 Stabil    
  Meningkatkan    
  Menurun

## RANCANGAN 2017 - 2019

**ANDAIAAN PERANCANGAN UTAMA**

Rancangan ini adalah berdasarkan kepada andaian-andaian perancangan utama seperti berikut:

- Persekitaran ekonomi domestik dan sistem kewangan akan kekal berdaya tahan;
- Mandat Perbadanan akan kekal terkini dan relevan;
- Perbadanan tidak menjangka sebarang intervensi atau resolusi kegagalan semasa tempoh perancangan yang akan memberi kesan buruk kepada sistem kewangan; dan
- Perbadanan akan terus bergantung kepada pasukan kakitangan mahir, disokong oleh penyedia perkhidmatan utama, rakan kongsi dan hubungan baik dengan pemegang kepentingan utama.

**SOROTAN RANCANGAN TIGA TAHUN KAMI**

Tiga keutamaan strategik yang dikenal pasti terus menjadi petunjuk dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti PIDM bagi tempoh perancangan tersebut. Sorotan inisiatif-inisiatif utama bagi setiap keutamaan semasa tempoh perancangan adalah seperti berikut:

**Keutamaan Strategik – Rejim Resolusi Efektif**

Mandat PIDM termasuk menggalakkan kestabilan sistem kewangan. PIDM akan berpandukan kepada Ciri-Ciri Utama Rejim Resolusi Efektif Lembaga Kestabilan Kewangan bagi Institusi Kewangan untuk membentuk rejim resolusi yang menyeluruh dan efektif bagi Malaysia. Rejim ini akan memastikan institusi ahli PIDM boleh diurus dan ditangani secara teratur, tanpa gangguan sistemik, dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

**Hasil utama bagi tempoh perancangan:** Rangka kerja menyeluruh dan telah diuji serta keperluan PIDM, untuk membimbing dan memudahkan pembangunan pelan resolusi, dan menilai kebolehselesaian institusi ahli.

Bahagian	Inisiatif Utama
<b>Perancangan resolusi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengendalikan latihan perintis untuk membangunkan pelan resolusi bagi bank-bank ahli yang telah dikenal pasti. Pengumpulan maklumat asas bagi latihan perintis Perancangan Resolusi ini akan dijalankan bersama dengan latihan perintis Perancangan Pemulihan, diterajui oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Latihan perintis ini juga melibatkan penilaian kebolehselesaian bank-bank ahli yang telah dikenal pasti untuk menilai daya maju dan kredibiliti strategi resolusi bank ahli, memandangkan wujud kemungkinan kesan kegagalan bank ahli terhadap sistem kewangan dan keseluruhan ekonomi.</li> <li>Mengendalikan perundingan industri untuk mendapatkan maklum balas berkaitan dengan perancangan resolusi.</li> <li>Mempertingkatkan dan memuktamadkan Rangka Kerja Perancangan Resolusi serta Rangka Kerja Penilaian Kebolehselesaian berdasarkan daripada latihan perintis dan perundingan industri, dan membangunkan keperluan yang berkaitan.</li> <li>Mengkaji semula dan mempertingkatkan perancangan kesediaan Perbadanan untuk melaksanakan pelan resolusi institusi ahli.</li> <li>Bagi tujuan pengurusan pemegang kepentingan: <ul style="list-style-type: none"> <li>berinteraksi dengan institusi ahli, bersama-sama dengan BNM, untuk menetapkan jangkaan berkaitan dengan pembangunan pelan pemulihan dan resolusi institusi ahli; dan</li> <li>berinteraksi serta bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berkaitan, di dalam negara dan peringkat antarabangsa, untuk merangka rancangan yang perlu, yang membolehkan kerjasama, pertukaran maklumat dan penyelarasan sebelum, semasa dan selepas resolusi.</li> </ul> </li> </ul>
<b>Penilaian kebolehselesaian</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyelidik dan membangunkan Rangka Kerja Pengkadaran Kebolehselesaian dan Metodologi untuk menggabungkan skor daripada penilaian kebolehselesaian ke dalam sistem premium berbeza Perbadanan. Ini bagi memastikan insentif yang sewajarnya disediakan kepada institusi ahli untuk meningkatkan kebolehselesaian mereka.</li> </ul>

## RANCANGAN 2017 - 2019

Kesediaan operasi kekal penting untuk menyokong suatu rejim resolusi yang efektif. Semasa tempoh perancangan ini, PIDM akan terus membangun dan mempertingkatkan proses, sistem dan infrastruktur yang perlu seperti berikut:

Bahagian	Inisiatif Utama
<b>Penilaian dan pemantauan risiko</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan Sistem Penilaian Risiko yang diperkukuhkan bagi Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, yang akan memudahkan platform yang lebih efektif dan efisien bagi penilaian dan pemantauan terhadap institusi ahli.</li> </ul>
<b>Intervensi dan resolusi kegagalan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan program pengesahan bagi menguji kesediaan bank ahli untuk menyediakan maklumat deposit dikemas kini dalam format fail standard dalam masa enam jam daripada penyempurnaan aktiviti pemprosesan pada penghujung hari, bagi tujuan pembayaran balik deposit dalam masa tiga hari.</li> <li>Menyempurnakan pembangunan Sistem Pengurusan Maklumat Pembayaran Balik Premium dan Sistem Pengurusan Tuntutan untuk menyokong proses pembayaran yang efisien bagi manfaat yang dilindungi dan pembayaran balik premium sekiranya sesebuah ahli penginsurans digulungkan.</li> <li>Menyempurnakan pembangunan Model Penilaian bagi Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, yang akan membantu dalam penilaian kos pembubaran institusi ahli sekiranya berlaku kegagalan.</li> </ul>
<b>Pembiayaan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membangun dan melaksanakan Dana Sasaran bagi kumpulan dana takaful.</li> <li>Membangunkan Rangka Kerja Kecukupan Pembiayaan dan Mudah Tunai bagi memastikan perancangan holistik mudah tunai dan pengaturan pembiayaan semasa resolusi, berdasarkan kepada suatu set prinsip garis panduan dan terus membangunkan rancangan pembiayaan alternatif yang lain.</li> </ul>
<b>Teknologi Maklumat dan infrastruktur</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Terus mempertingkatkan infrastruktur keselamatan untuk menangani ancaman siber dan ketirisan maklumat seperti pelaksanaan pengkomputeran awan persendirian korporat bagi fungsi-fungsi terpilih.</li> </ul>

## RANCANGAN 2017 - 2019

**Keutamaan Strategik – Pengurusan Modal Insan Strategik**

Strategi modal insan yang strategik dan efektif yang selaras dengan objektif Perbadanan adalah asas kepada kejayaan dan kemampanan jangka panjang Perbadanan. Kerjasama dan perkongsian kebertanggungjawaban antara Bahagian Sumber Manusia dan Pengurusan juga penting kepada kejayaan pelaksanaan strategi modal insan yang sejajar dengan keperluan dan objektif PIDM.

**Hasil utama bagi tempoh perancangan:** Tenaga kerja yang komited, sentiasa belajar, cekap, boleh menyesuaikan diri dengan sebarang keadaan dan sentiasa melibatkan diri. Ini bagi memastikan Perbadanan dapat mencapai matlamat jangka panjangnya, mengekalkan kecemerlangan dan terus menyumbang kepada masyarakat, sejajar dengan nilai, visi dan misinya.

Bahagian	Inisiatif Utama
<b>Kecekapan, kepimpinan dan pembangunan kakitangan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaksanakan Model Kecekapan yang diperkukuhkan, untuk disepadukan ke dalam proses modal insan utama Perbadanan.</li> <li>• Terus menyediakan program pembelajaran dan pembangunan khusus kepada kakitangan, termasuk membangunkan kurikulum teknikal selaras dengan inisiatif perancangan resolusi, memberi perhatian kepada pengurusan penggantian, serta terus menyediakan latihan-silang dan memantapkan kemahiran kakitangan dalam fungsi-fungsi yang berkaitan.</li> </ul>
<b>Keterlibatan kakitangan dan pengurusan kerjaya</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaksanakan strategi pengurusan kerjaya untuk menggalakkan pemerolehan kemahiran dan pengetahuan antara organisasi, yang juga akan diselaraskan dengan keseluruhan strategi pengurusan tenaga kerja PIDM.</li> <li>• Terus melaksanakan strategi keterlibatan kakitangan termasuk program dan aktiviti yang menggalakkan persekitaran kerja yang kondusif dan memastikan kakitangan terus melibatkan diri.</li> </ul>
<b>Organisasi pembelajaran</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaksanakan Rangka Kerja Organisasi Pembelajaran yang tertumpu kepada usaha untuk membina asas bagi organisasi pembelajaran, menerusi kepimpinan dan budaya. Ini termasuk yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>– membangun dan melaksanakan proses yang melibatkan pembelajaran dalam organisasi; dan</li> <li>– membangunkan pelan strategik pengurusan pengetahuan dengan fokus memastikan pemerolehan penuh spektrum pengetahuan dan menyesuaikan teknik pengurusan yang efektif.</li> </ul> </li> </ul>

## RANCANGAN 2017 - 2019

### Keutamaan Strategik – Pengurusan Pemegang Kepentingan dan Tadbir Urus Korporat

Penglibatan dan pengurusan pemegang kepentingan yang efektif adalah penting bagi Perbadanan, untuk melaksanakan mandatnya dan diiktiraf sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumer kewangan dan resolusi yang berwibawa dalam kalangan pemegang kepentingannya. Keyakinan awam juga merupakan bahagian penting dalam matlamat Perbadanan untuk menggalakkan kestabilan sistem kewangan dan orang awam perlu diberi kesedaran dan pengetahuan yang sewajarnya. Di samping terus melaksanakan kempen kesedaran awam kami, Perbadanan juga proaktif mengekalkan hubungan utama dengan peserta jaringan keselamatan kewangan lain dan penyedia perkhidmatan.

**Hasil utama bagi tempoh perancangan:** Pemahaman dan kesedaran yang lebih baik oleh orang awam dan pemegang kepentingan mengenai peranan PIDM, Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan demi keyakinan awam.

Bahagian	Inisiatif Utama
<b>Komunikasi dan kesedaran awam</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meneruskan kempen kesedaran awam untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai Perbadanan, Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.</li> <li>Menjalankan kaji selidik tingkah laku pengguna yang bertujuan untuk memahami kaitan antara tahap kesedaran awam dan kemungkinan tingkah laku audiens sasaran kami dalam situasi yang tidak menentu. Hasil kaji selidik ini akan digunakan untuk memantapkan pendekatan dan taktik komunikasi kami.</li> </ul>
<b>Penglibatan pemegang kepentingan dan tadbir urus korporat</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menguatkan hubungan dengan pemegang kepentingan berbeza menerusi strategi komunikasi khusus bagi setiap kumpulan.</li> <li>Menggalakkan tadbir urus korporat yang baik dan memaparkan kepimpinan kami dalam bahagian ini.</li> <li>Terus menyediakan sokongan dan memanfaatkan rangkaian FIDE FORUM, alumni Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan untuk berhubung dengan para pengarah institusi kewangan.</li> </ul>

### KAD SKOR KORPORAT 2017 - 2019

Inisiatif korporat bagi tempoh perancangan ini dan sasaran masing-masing dinyatakan dalam halaman-halaman berikut.

Rancangan dan unjuran kewangan yang termasuk anggaran sumber bagi rancangan kami dinyatakan di halaman 12 hingga 19 Rancangan Korporat ini. Kemajuan inisiatif ke arah sasaran ini akan dilaporkan dalam Laporan Tahunan 2017 kami.



RANCANGAN 2017 - 2019

KAD SKOR KORPORAT 2017 - 2019

Objektif Korporat	Inisiatif Korporat	Sasaran		
		2017	2018	2019
<b>A</b> <b>Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat</b>	1. Indeks kesedaran awam:			
	a. Kesedaran umum mengenai PIDM	63%	65%	67%
	b. Kesedaran umum mengenai Sistem Insurans Deposit	53%	57%	60%
	c. Kesedaran umum mengenai Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	38%	41%	45%
	2. Pelan Komunikasi Bersepadu	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan
	<b>B</b> <b>Perkongsian efektif</b>	3. Hubungan PIDM dengan:		
a. Bank Negara Malaysia (BNM)		Kukuh	Kukuh	Kukuh
b. Institusi ahli dan persatuan industri mereka		Memuaskan	Memuaskan	Memuaskan
c. Kementerian-kementerian dan agensi kawal selia Kerajaan lain		Kukuh	Kukuh	Kukuh
d. Penyedia perkhidmatan dan rakan kongsi strategik utama		Kukuh	Kukuh	Kukuh
e. Penginsurans deposit dan skim jaminan insurans		Kukuh	Kukuh	Kukuh
f. Pemegang kepentingan utama lain	Memuaskan	Memuaskan	Memuaskan	
4. Forum antarabangsa lain	Penyertaan aktif	Penyertaan aktif	Penyertaan aktif	
<b>C</b> <b>Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik</b>	5a. Amalan terbaik tadbir urus yang diguna pakai dan dikekalkan	Pematuhan	Pematuhan	Pematuhan
	5b. Perundangan serta polisi dan amalan korporat utama yang dipatuhi, serta kekal terkini dan relevan	Pematuhan penuh dan dikemas kini	Pematuhan penuh dan dikemas kini	Pematuhan penuh dan dikemas kini
	5c. Kualiti sokongan pengurusan kepada Lembaga Pengarah	Tahap kepuasan tinggi	Tahap kepuasan tinggi	Tahap kepuasan tinggi
	6a. Akta PIDM	Dikaji semula	Dikaji semula	Dikaji semula
	i. Merangka draf berkaitan Perancangan Resolusi	Penyelidikan dan dibangunkan	Dibangunkan	Disempurnakan
<b>D</b> <b>Keupayaan penilaian dan pemantauan risiko, intervensi serta resolusi yang kukuh</b>	7a. Model Penilaian bagi Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Disempurnakan	Disimulasikan dan dikaji semula	Disimulasikan dan dikaji semula
	7b. Pelan Strategik bagi Kebolehselesaian	Dibangunkan	Dibangunkan	Dilaksanakan
	7c. Pelan intervensi dan resolusi bagi institusi kewangan:			
	i. Rangka Kerja dan Garis Panduan Perancangan Resolusi*	Dikaji semula	Dikaji semula	Dirundingkan
	ii. Rangka Kerja Penilaian Kebolehselesaian*	Dikaji semula	Dikaji semula dan dipertingkatkan	Dikaji semula dan dipertingkatkan
iii. Rangka Kerja Pengkadaran Kebolehselesaian dan Metodologi bagi sistem premium berbeza*	Penyelidikan	Penyelidikan	Dibangunkan	

\* Rujuk kepada Keutamaan Strategik – Rejim Resolusi Efektif di halaman 6 untuk maklumat lanjut

## RANCANGAN 2017 - 2019

## KAD SKOR KORPORAT 2017 - 2019

Objektif Korporat	Inisiatif Korporat	Sasaran		
		2017	2018	2019
D <b>Keupayaan penilaian dan pemantauan risiko, intervensi serta resolusi yang kukuh</b>	7d. Sistem, polisi dan prosedur pengurusan tuntutan bagi ahli penginsurans:			
	i. Sistem Pengurusan Maklumat Pembayaran Balik Premium	Dilaksanakan	Dikekalkan	Dikekalkan
	ii. Sistem Pengurusan Tuntutan	Dilaksanakan	Dikekalkan	Dikekalkan
	iii. Sistem Pengurusan Sokongan Pemilik Polisi	Dibangunkan	Disempurnakan	Dikekalkan
	iv. Sistem Pengurusan Pembayaran	Dibangunkan	Disempurnakan	Dikekalkan
	7e. Peraturan-Peraturan:			
	i. Peraturan-Peraturan Maklumat Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dikaji semula	Dilaksanakan	Dipantau
	ii. Peraturan-Peraturan Terma dan Syarat Keahlian – Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dilaksanakan	Dipantau	Dipantau
	7f. Program pematuhan institusi ahli dengan undang-undang PIDM bagi ahli penginsurans	Dibangunkan	Dibangunkan	Dilaksanakan
	8. FIDE FORUM, alumni Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan	Penyertaan aktif dan disokong	Penyertaan aktif dan disokong	Penyertaan aktif dan disokong
E <b>Amalan urusan dan kewangan yang mantap</b>	9. Pelaporan menerusi:			
	a. Laporan Tahunan	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan
	b. Rancangan Korporat	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan
	10. Prestasi kewangan berbanding bajet yang diluluskan	±10% perbezaan	±10% perbezaan	±10% perbezaan
	11. Pematuhan Kawalan Dalaman dan Pengurusan Risiko	Kukuh	Kukuh	Kukuh
	12. Audit Pengurusan	Dilaksanakan	Dilaksanakan	Dilaksanakan
	13a(i). Rangka Kerja Kecukupan Pembiayaan dan Mudah Tunai – Rancangan pembiayaan alternatif	Dibangunkan	Dilaksanakan	-
	13a(ii). Dana Sasaran bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans – Kumpulan Dana Takaful	Dibangunkan	Dilaksanakan	Dikaji semula
	13b. Pelan Strategik Teknologi Maklumat Tahunan	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan
	13c. Pusat Pemulihan Bencana dan infrastruktur	Diuji	Diuji	Diuji
13d. Pengurusan Keselamatan Maklumat Korporat	Dikekalkan	Dikekalkan	Dikekalkan	
F <b>Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan</b>	14. Pengurusan Modal Insan Strategik	Dilaksanakan	Dilaksanakan	Dilaksanakan
G <b>Persekitaran korporat yang kondusif</b>	15. Indeks Tahap Keterlibatan Berterusan (tinjauan dijalankan setiap dua tahun sekali bagi mengukur tahap keterlibatan kakitangan)	80%	-	80%

## RANCANGAN 2017 - 2019

### RANCANGAN KEWANGAN 2017

Berikut merupakan rancangan kewangan bagi tahun 2017 dan sumber-sumber yang diperlukan untuk melaksanakan keutamaan strategik dan inisiatif Perbadanan yang dirancang bagi terus memenuhi mandat, visi dan misinya.

Bajet Pendapatan dan Perbelanjaan Operasi serta Modal kami bagi tahun 2017 digariskan seperti berikut.

#### (a) Bajet Pendapatan dan Perbelanjaan Operasi

	2017 Bajet		2016 Unjuran*		2016 Bajet	
	RM'000	(%)	RM'000	(%)	RM'000	(%)
<b>PENDAPATAN</b>						
Premium dan Levi	482,000	82	468,250	84	512,550	85
Pendapatan Pelaburan	103,000	18	88,950	16	91,350	15
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>585,000</b>	<b>100</b>	<b>557,200</b>	<b>100</b>	<b>603,900</b>	<b>100</b>
<b>PERBELANJAAN OPERASI</b>						
Manfaat Kakitangan	65,500	55	57,800	56	58,750	48
Am dan Pentadbiran	43,000	36	33,300	33	48,150	40
Komunikasi	11,500	9	10,900	11	14,100	12
<b>Jumlah Perbelanjaan Operasi</b>	<b>120,000</b>	<b>100</b>	<b>102,000</b>	<b>100</b>	<b>121,000</b>	<b>100</b>
<b>Lebihan Bersih</b>	<b>465,000</b>		<b>455,200</b>		<b>482,900</b>	

#### (b) Bajet Perbelanjaan Modal

	2017 Bajet		2016 Unjuran*		2016 Bajet	
	RM'000	(%)	RM'000	(%)	RM'000	(%)
<b>PERBELANJAAN MODAL</b>						
Kenderaan Motor	-	-	300	4	450	4
Perabot, Kelengkapan dan Ubah Suai Pejabat	260	4	2,120	30	3,160	28
Sistem Komputer dan Peralatan Pejabat	6,640	96	4,730	66	7,590	68
<b>Jumlah Perbelanjaan Modal</b>	<b>6,900</b>	<b>100</b>	<b>7,150</b>	<b>100</b>	<b>11,200</b>	<b>100</b>

\* Unjuran 2016 = Sebenar (Jan - Nov 2016) + Unjuran (Dis 2016)

## RANCANGAN 2017 - 2019

### (c) Ulasan Bajet Pendapatan, Perbelanjaan Operasi dan Perbelanjaan Modal

#### Pendapatan

- Pendapatan yang dibajetkan daripada premium dan levi bagi tahun 2017 adalah berasaskan kepada struktur kadar Sistem Premium Berbeza bagi bank ahli dan struktur kadar Sistem Levi Berbeza bagi ahli penginsurans.
- Kami menganggarkan perolehan premium sebanyak RM397 juta daripada bank ahli pada tahun 2017. Ini sejajar dengan jangkaan pertumbuhan sederhana dalam Jumlah Deposit Diinsuranskan secara keseluruhannya.
- Kami menganggarkan perolehan levi sebanyak RM85 juta daripada ahli penginsurans. Ini sejajar dengan unjuran pertumbuhan dalam Liabiliti Penilaian Aktuari dan Sumbangan Bersih.
- Pendapatan pelaburan diperoleh daripada aset kewangan Perbadanan, yang terdiri terutamanya daripada sekuriti pelaburan berkualiti tinggi dan mudah tunai, berserta penempatan pasaran wang.
- Pendapatan pelaburan bagi tahun 2017 dianggarkan sebanyak RM103 juta berasaskan unjuran konservatif Kadar Hasil Efektif Purata Wajaran yang selaras dengan Kadar Dasar Semalaman yang diumumkan oleh BNM pada November 2016 serta prestasi purata Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Kertas BNM.
- Peningkatan pendapatan pelaburan dipacu terutamanya daripada pertumbuhan dalam asas dana boleh dilabur. Kesan kenaikan sedikit dalam hasil berdasarkan prospek pasaran baru-baru ini bagi Sekuriti Kerajaan Malaysia jangka sederhana, bon korporat dan pasaran Sukuk dijangka minimum.

#### Perbelanjaan Operasi

Pemacu kos utama bagi bajet perbelanjaan operasi bagi tahun 2017 ialah:

- Manfaat Kakitangan – Sejalan dengan pelan modal insan strategik jangka panjang kami, perbelanjaan yang dirancang terdiri daripada kos penggajian tahunan, kenaikan gaji tahunan dan pelarasan pasaran bagi kakitangan yang layak bagi pengekalan tenaga kerja dalaman, kesan kos pengambilan kakitangan baharu pada tahun 2017 dan jangkaan kenaikan insurans kakitangan dan kos perubatan sejajar dengan nisbah tuntutan sebenar bagi tahun 2016 dan kenaikan premium insurans.
- Am dan Pentadbiran – Selain perbelanjaan keperluan harian bagi memastikan operasi berfungsi dengan efektif dan efisien di pejabat utama dan Pusat Pemulihan Bencana, perbelanjaan berkaitan khidmat profesional dan perundingan dibajetkan untuk menyokong inisiatif-inisiatif korporat utama yang telah dikenal pasti bagi tahun ini, terutamanya pembentukan rejim resolusi efektif serta kesediaan operasi Perbadanan bagi aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan serta pembayaran balik.
- Komunikasi – Perbelanjaan yang dirancang menyokong pelaksanaan efektif bagi aktiviti komunikasi utama dan inisiatif perhubungan awam untuk mengukuhkan imej dan profil Perbadanan, Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

#### Perbelanjaan Modal

Pemacu kos utama untuk bajet perbelanjaan modal bagi tahun 2017 adalah penggantian perkakas yang telah lama bagi sistem Teknologi Maklumat teras, pembangunan aplikasi latihan interaktif untuk menyokong inisiatif pendidikan dan kesedaran awam, pengukuhan sistem keselamatan dan daya tahan Teknologi Maklumat, sistem keselamatan pejabat serta peralatan multimedia.

## RANCANGAN 2017 - 2019

### (d) Lembaran Imbangan Pro Forma

	<b>2017 Bajet Jumlah</b>	<b>2016 Unjuran* Jumlah</b>	<b>2016 Bajet Jumlah</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
<b>ASET</b>			
Tunai dan kesetaraan tunai	12,900	14,000	15,000
Pelaburan	3,500,500	3,036,300	3,062,994
Aset lain	21,500	24,900	20,000
Hartanah dan peralatan	47,100	30,900	30,000
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>3,582,000</b>	<b>3,106,100</b>	<b>3,127,994</b>
<b>LIABILITI</b>			
Akaun belum bayar	27,900	17,000	10,750
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>27,900</b>	<b>17,000</b>	<b>10,750</b>
<b>KUMPULAN DANA DAN RIZAB</b>			
<b>Kumpulan Dana Insurans Deposit</b>			
Baki awal	1,653,700	1,298,400	1,298,240
Lebihan bagi tahun semasa	361,700	355,300	374,333
	2,015,400	1,653,700	1,672,573
<b>Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans</b>			
Baki awal	1,435,400	1,335,500	1,336,104
Lebihan bagi tahun semasa	103,300	99,900	108,567
	1,538,700	1,435,400	1,444,671
<b>JUMLAH KUMPULAN DANA DAN RIZAB</b>	<b>3,554,100</b>	<b>3,089,100</b>	<b>3,117,244</b>
<b>JUMLAH LIABILITI, KUMPULAN DANA DAN RIZAB</b>	<b>3,582,000</b>	<b>3,106,100</b>	<b>3,127,994</b>

\* Unjuran 2016 = Sebenar (Jan - Nov 2016) + Unjuran (Dis 2016)

## RANCANGAN 2017 - 2019

## (e) Penyata Aliran Tunai Pro Forma

	<b>2017 Bajet</b>	<b>2016 Unjuran*</b>	<b>2016 Bajet</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>			
Penerimaan premium dan levi daripada institusi ahli	482,000	468,250	512,550
Penerimaan pendapatan pelaburan	115,670	110,349	105,000
Pembayaran semasa beroperasi kepada penyedia perkhidmatan dan kakitangan	(88,980)	(82,913)	(95,000)
<b>Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi</b>	<b>508,690</b>	<b>495,686</b>	<b>522,550</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>			
Perolehan daripada jualan sekuriti pelaburan	2,066,110	1,719,000	3,075,000
Pembelian sekuriti pelaburan	(2,554,000)	(2,238,100)	(3,577,550)
Dividen diterima daripada Kumpulan Dana Skim Jaminan Insurans	-	35,031	-
Pembelian hartanah dan peralatan	(21,900)	(12,450)	(20,000)
<b>Aliran tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan</b>	<b>(509,790)</b>	<b>(496,519)</b>	<b>(522,550)</b>
<b>Penurunan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai</b>	<b>(1,100)</b>	<b>(833)</b>	<b>-</b>
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	14,000	14,833	15,000
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>	<b>12,900</b>	<b>14,000</b>	<b>15,000</b>

\* Unjuran 2016 = Sebenar (Jan - Nov 2016) + Unjuran (Dis 2016)

## RANCANGAN 2017 - 2019

### UNJURAN KEWANGAN 2018 - 2019

Unjuran kewangan bagi tahun 2018 dan 2019 telah disediakan berdasarkan kepada inisiatif korporat utama kami semasa tempoh perancangan ini, serta dengan mengambil kira unjuran dan andaian konservatif berdasarkan kepada aliran pendapatan dan perbelanjaan Perbadanan yang lepas.

#### (a) Penyata Pendapatan Komprehensif Pro Forma (Diunjur)

	2017 Bajet	Tahun-Ke-Tahun kenaikan / (pengurangan)	2018 Unjuran	Tahun-Ke-Tahun kenaikan / (pengurangan)	2019 Unjuran
	RM'000	(%)	RM'000	(%)	RM'000
<b>PENDAPATAN</b>					
Premium dan Levi	482,000	2	494,000	2	506,000
Pendapatan Pelaburan	103,000	16	119,000	15	137,000
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>585,000</b>	<b>5</b>	<b>613,000</b>	<b>5</b>	<b>643,000</b>
<b>PERBELANJAAN OPERASI</b>					
Manfaat Kakitangan	65,500	3	67,500	12	75,600
Am dan Pentadbiran	43,000	(1)	42,600	*	42,500
Komunikasi	11,500	5	12,100	5	12,700
<b>Jumlah Perbelanjaan Operasi</b>	<b>120,000</b>	<b>2</b>	<b>122,200</b>	<b>7</b>	<b>130,800</b>
<b>Lebihan Bersih</b>	<b>465,000</b>	<b>6</b>	<b>490,800</b>	<b>4</b>	<b>512,200</b>

\* Amaun tersebut adalah di bawah ambang nilai bundaran

## RANCANGAN 2017 - 2019

### **Pendapatan**

Premium dan levi dijangka meningkat sebanyak 2% setahun. Jangkaan kenaikan premium ini adalah sejajar dengan unjuran pertumbuhan sederhana Jumlah Deposit Diinsuranskan. Kenaikan levi akan sejajar dengan pertumbuhan Liabiliti Penilaian Aktuari dan Sumbangan Bersih seperti unjuran pertumbuhan bagi tahun 2017.

Pendapatan pelaburan bagi tahun 2018 dijangka meningkat sebanyak 16% daripada tahun 2017 dan akan meningkat sebanyak 15% dari tahun 2018 ke 2019 berikutan kenaikan asas dana boleh dilabur. Kadar Hasil Efektif Purata Wajaran bagi pulangan dana boleh dilabur diunjurkan konservatif dan sejajar dengan Kadar Dasar Semalaman yang diumumkan oleh BNM pada November 2016 serta purata prestasi Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Kertas BNM.

### **Perbelanjaan Operasi**

Pemacu utama bagi jangkaan perbelanjaan operasi pada tahun 2018 dan 2019 adalah berasaskan kepada:

- purata kenaikan tahunan kos penggajian kakitangan dan aliran meningkat kos insurans dan perubatan seperti yang direkodkan dalam tahun sebelumnya, dan bilangan kakitangan tambahan yang dirancang bagi tahun 2018 dan 2019 sejajar dengan keutamaan strategik Perbadanan;
- perbelanjaan am dan pentadbiran bagi mengekalkan keberkesanan operasi dan menyokong penyenggaraan harian operasi Perbadanan di pejabat utama dan Pusat Pemulihan Bencana, serta perbelanjaan berkaitan dengan inisiatif-inisiatif utama semasa tempoh perancangan tersebut; dan
- kenaikan perbelanjaan komunikasi yang sejajar dengan peningkatan kos pengiklanan bagi televisyen, cetak, radio dan media lain.



## RANCANGAN 2017 - 2019

### (b) Lembaran Imbangan Pro Forma (Diunjur)

	<b>2017 Bajet Jumlah</b>	<b>2018 Unjuran Jumlah</b>	<b>2019 Unjuran Jumlah</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
<b>ASET</b>			
Tunai dan kesetaraan tunai	12,900	16,100	13,400
Pelaburan	3,500,500	3,985,300	4,485,200
Aset lain	21,500	28,400	28,600
Hartanah dan peralatan	47,100	48,100	49,900
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>3,582,000</b>	<b>4,077,900</b>	<b>4,577,100</b>
<b>LIABILITI</b>			
Akaun belum bayar	27,900	33,000	20,000
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>27,900</b>	<b>33,000</b>	<b>20,000</b>
<b>KUMPULAN DANA DAN RIZAB</b>			
<b>Kumpulan Dana Insurans Deposit</b>			
Baki awal	1,653,700	2,015,400	2,390,500
Lebihan bagi tahun semasa	361,700	375,100	398,200
	2,015,400	2,390,500	2,788,700
<b>Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans</b>			
Baki awal	1,435,400	1,538,700	1,654,400
Lebihan bagi tahun semasa	103,300	115,700	114,000
	1,538,700	1,654,400	1,768,400
<b>JUMLAH KUMPULAN DANA DAN RIZAB</b>	<b>3,554,100</b>	<b>4,044,900</b>	<b>4,557,100</b>
<b>JUMLAH LIABILITI, KUMPULAN DANA DAN RIZAB</b>	<b>3,582,000</b>	<b>4,077,900</b>	<b>4,577,100</b>

## RANCANGAN 2017 - 2019

## (c) Penyata Aliran Tunai Pro Forma (Diunjur)

	2017 Bajet	2018 Unjuran	2019 Unjuran
	RM'000	RM'000	RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>			
Penerimaan premium dan levi daripada institusi ahli	482,000	494,000	506,000
Penerimaan pendapatan pelaburan	115,670	106,860	123,960
Pembayaran semasa beroperasi kepada penyedia perkhidmatan dan kakitangan	(88,980)	(105,000)	(115,000)
<b>Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi</b>	<b>508,690</b>	<b>495,860</b>	<b>514,960</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>			
Perolehan daripada jualan sekuriti pelaburan	2,066,110	3,850,200	4,350,400
Pembelian sekuriti pelaburan	(2,554,000)	(4,336,860)	(4,862,060)
Pembelian hartanah dan peralatan	(21,900)	(6,000)	(6,000)
<b>Aliran tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan</b>	<b>(509,790)</b>	<b>(492,660)</b>	<b>(517,660)</b>
<b>Kenaikan / (pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai</b>	<b>(1,100)</b>	<b>3,200</b>	<b>(2,700)</b>
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	14,000	12,900	16,100
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>	<b>12,900</b>	<b>16,100</b>	<b>13,400</b>

**BAHAGIAN**

**3**

**PERBANDINGAN PRESTASI  
DENGAN RANCANGAN  
KORPORAT TAHUN SEBELUMNYA**

Sorotan Pencapaian Utama Kami bagi Tahun 2016

Imbasan Kad Skor Korporat 2016

Prestasi Kewangan Lepas – Tahun 2016

# PERBANDINGAN PRESTASI DENGAN RANCANGAN KORPORAT TAHUN SEBELUMNYA

Perbadanan telah mencapai kemajuan ketara bagi Rancangan Korporat 2016 - 2018, setelah berjaya melaksanakan inisiatif-inisiatif utama sejajar dengan keutamaan strategik kami berkenaan dengan modal insan, perancangan resolusi dan penglibatan pemegang kepentingan.

## SOROTAN PENCAPAIAN UTAMA KAMI BAGI TAHUN 2016



### Pemegang Kepentingan

- Inisiatif kesedaran awam:
  - meneruskan kerjasama dengan kartunis terkenal, Lat, bagi kempen pengiklanan kami termasuk di televisyen, radio dan iklan cetak, menerima Anugerah Kecemerlangan Pemasaran 2016 dalam dua kategori, iaitu, Kecemerlangan dalam Pemasaran Sektor Kerajaan (Perak) dan Kecemerlangan dalam Komunikasi Pemasaran / Perhubungan Awam (Gangsa);
  - menyemak semula risalah maklumat Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta tanda keahlian dengan mengadaptasi karya seni Lat; dan
  - menganjurkan karnival PIDM di Port Dickson, Negeri Sembilan sebagai sebahagian daripada program Capaian Korporat kami.
- Memenuhi tarikh akhir berkanun bagi penyerahan Laporan Tahunan 2015 kepada Menteri Kewangan pada 31 Mac 2016. Laporan Tahunan ini dibentangkan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara masing-masing pada 5 April dan 3 Mei 2016.
- Meneruskan penyertaan dalam forum antarabangsa dengan menghadiri, menganjur dan menjadi tuan rumah untuk pelbagai taklimat, seminar, ceramah dan persidangan di dalam negara dan peringkat antarabangsa.



### Tadbir Urus dan Proses Dalam

- Perancangan pemulihan dan resolusi – menyempurnakan draf Rangka Kerja Perancangan Pemulihan dan Resolusi serta Rangka Kerja Perancangan Resolusi; merangka draf Garis Panduan Perancangan Resolusi dan pakej maklumat bagi tujuan latihan perintis untuk membangunkan pelan resolusi bagi bank ahli perintis; dan membangunkan draf Rangka Kerja Penilaian Kebolehsesuaian.
- Melaksanakan Rangka Kerja Sistem Levi Berbeza yang diperkukuhkan bagi syarikat insurans.
- Melaksanakan Dana Sasaran bagi Dana Perlindungan Insurans Hayat.
- Menunjukkan keupayaan kami untuk melaksanakan pembayaran balik dalam masa tiga hari bagi bank ahli bersaiz sederhana menerusi suatu simulasi pembayaran balik.
- Meneruskan usaha bagi rancangan pembiayaan untuk tujuan mudah tunai.
- Menyerahkan draf Peraturan-Peraturan Terma dan Syarat Keahlian bagi Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans kepada Pejabat Peguam Negara untuk diwartakan.
- Menyempurnakan Program Keselamatan Maklumat Korporat dan menjalankan penilaian dalaman untuk persediaan Perbadanan mendapatkan persijilan ISO 27001:2013.
- Menyempurnakan pembinaan Pusat Pemulihan Bencana.
- Meningkatkan jumlah penerima biasiswa kami daripada 10 kepada 20 orang penerima luar sebagai sebahagian daripada inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat.
- Terus menyokong FIDE FORUM.



### Pembelajaran dan Pembangunan

- Memantapkan Model Kecekapan bagi memenuhi keperluan Perbadanan mengikut perubahan semasa. Model ini akan digunakan untuk menyepadukan kecekapan dengan proses modal insan utama bagi tujuan pengurusan penggantian dan kerjaya, pembangunan kepimpinan serta latihan dan pembangunan bagi semua kakitangan.
- Membangunkan strategi pengurusan kerjaya bagi kakitangan sebagai sebahagian daripada strategi pengurusan tenaga kerja kami untuk mengekalkan, menglibatkan diri dan memberi ganjaran kepada tenaga kerja kami.
- Membangunkan Rangka Kerja Organisasi Pembelajaran yang menghuraikan asas, strategi utama dan pelan tindakan bagi organisasi pembelajaran.
- Melaksanakan pelan tindakan bagi menangani maklum balas daripada Tinjauan Kepuasan Kerja Kakitangan 2015.
- Terus mengukuhkan nilai-nilai korporat dan memantapkan keterlibatan kakitangan.

## PERBANDINGAN PRESTASI DENGAN RANCANGAN KORPORAT TAHUN SEBELUMNYA

### IMBASAN KAD SKOR KORPORAT 2016

Keputusan unjuran diringkaskan seperti di bawah. Kesemua inisiatif utama yang dirancang telah disempurnakan mengikut rancangan kewangan yang diluluskan dengan 10 inisiatif berjalan lancar seperti yang dijadualkan.

**A** Sasaran dicapai, inisiatif disempurnakan


**F** Belum dimulakan / tarikh bermula pada masa hadapan

**P** Berjalan lancar seperti yang dijadualkan; dan / atau dalam lingkungan bajet

**D** Ditangguhkan disebabkan pengutamaan semula

Objektif Korporat		Inisiatif Korporat	Sasaran 2016	Keputusan Unjuran Dis 2016
Pemegang Kepentingan	<b>A</b> Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat	1. Indeks kesedaran awam:		
		a. Kesedaran umum mengenai PIDM	58%	<b>P<sup>1</sup></b>
		b. Kesedaran umum mengenai Sistem Insurans Deposit	46%	<b>P<sup>1</sup></b>
		c. Kesedaran umum mengenai Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	28%	<b>P<sup>1</sup></b>
		2. Menyempurnakan dengan jayanya:		
	a. Pelan Komunikasi Bersepadu	Disempurnakan	<b>A</b>	
	<b>B</b> Perkongsiian efektif	3. Hubungan PIDM dengan:		
		a. Bank Negara Malaysia (BNM)	Kukuh	<b>A</b>
		b. Institusi ahli dan persatuan industri mereka	Memuaskan	<b>A</b>
		c. Kementerian-kementerian dan agensi kawal selia Kerajaan lain	Kukuh	<b>A</b>
d. Penyedia perkhidmatan utama dan rakan kongsi strategik		Kukuh	<b>A</b>	
e. Penginsurans deposit dan skim jaminan insurans		Kukuh	<b>A</b>	
f. Pemegang kepentingan utama lain		Memuaskan	<b>A</b>	
4. Forum antarabangsa lain	Penyertaan aktif	<b>A</b>		
<b>C</b> Tadbir Urus dan Proses Dalam	Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik	5a. Amalan terbaik tadbir urus yang diguna pakai dan dikekalkan	Dipatuhi	<b>A</b>
		5b. Perundangan serta polisi dan amalan korporat utama yang dipatuhi, serta kekal terkini dan relevan	Pematuhan penuh dan dikemas kini	<b>A</b>
		5c. Kualiti sokongan pengurusan kepada Lembaga Pengarah	Tahap kepuasan tinggi	<b>A</b>
		6. Alumni Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan, FIDE FORUM	Penyertaan aktif dan disokong	<b>A</b>
		7. Menyempurnakan dengan jayanya:		
		a. Penggubalan undang-undang PIDM yang kekal terkini dan relevan	Kajian semula	<b>A</b>

## PERBANDINGAN PRESTASI DENGAN RANCANGAN KORPORAT TAHUN SEBELUMNYA

Objektif Korporat		Inisiatif Korporat	Sasaran 2016	Keputusan Unjuran Dis 2016	
 <b>Tadbir Urus dan Proses Dalam</b>	<b>D</b> <b>Keupayaan penilaian dan pemantauan risiko, intervensi serta resolusi yang kukuh</b>	8. Menyempurnakan dengan jayanya:			
		a. Sistem Amaran Awal bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dikaji selidik	<b>A</b>	
		b. Model Penilaian bagi Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dibangunkan	<b>P<sup>2</sup></b>	
		c. Pelan intervensi dan resolusi bagi institusi kewangan kompleks:			
		i. Rangka Kerja dan Garis Panduan Perancangan Resolusi	Dibangunkan dan disempurnakan	<b>A</b>	
		ii. Rangka Kerja Penilaian Kebolehelesaian	Dibangunkan dan disempurnakan	<b>A</b>	
		d. Sistem, polisi dan prosedur pengurusan tuntutan bagi ahli penginsurans:			
		i. Sistem Pengurusan Maklumat Pembayaran Balik Premium	Dibangunkan	<b>P<sup>3</sup></b>	
		ii. Sistem Pengurusan Tuntutan	Dibangunkan	<b>P<sup>4</sup></b>	
		iii. Sistem Pengurusan Sokongan Pemilik Polisi	-	<b>F<sup>5</sup></b>	
		iv. Sistem Pengurusan Pembayaran	-	<b>F<sup>5</sup></b>	
		e. Peraturan-Peraturan:			
		i. Peraturan-Peraturan Maklumat Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dilaksanakan	<b>D<sup>6</sup></b>	
		ii. Peraturan-Peraturan Terma dan Syarat Keahlian – Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dipantau	<b>P<sup>7</sup></b>	
		f. Program pematuhan institusi ahli dengan undang-undang PIDM bagi ahli penginsurans	Dibangunkan	<b>P<sup>8</sup></b>	
		<b>E</b> <b>Amalan urusan dan kewangan yang mantap</b>	9. Pelaporan menerusi:		
			a. Laporan Tahunan	Disempurnakan	<b>A</b>
b. Rancangan Korporat	Disempurnakan		<b>A</b>		
10. Prestasi kewangan berbanding bajet yang diluluskan	±10% perbezaan		<b>A<sup>9</sup></b>		
11. Pematuhan Kawalan Dalam dan Pengurusan Risiko	Kukuh		<b>A</b>		

## PERBANDINGAN PRESTASI DENGAN RANCANGAN KORPORAT TAHUN SEBELUMNYA

Objektif Korporat		Inisiatif Korporat	Sasaran 2016	Keputusan Unjuran Dis 2016
 <b>Tadbir Urus dan Proses Dalam</b>	<b>E</b> <b>Amalan urusan dan kewangan yang mantap</b>	12. Menyempurnakan dengan jayanya:		
		a(i). Dana Sasaran bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans:		
		i(1). Dana Am	Kajian semula	<b>A</b>
		i(2). Dana Hayat	Dilaksanakan	<b>A</b>
		i(3). Kumpulan Dana Takaful	Dikaji selidik	<b>A</b>
		a(ii). Rancangan pembiayaan alternatif	Disempurnakan	<b>A</b> <sup>10</sup>
		b. Pelan Strategik Teknologi Maklumat Tahunan	Disempurnakan	<b>P</b> <sup>11</sup>
		c. Pusat Pemulihan Bencana dan infrastruktur	Disempurnakan	<b>A</b>
	d. Pengurusan Keselamatan Maklumat Korporat	Dikekalkan	<b>A</b>	
 <b>Pembelajaran dan Pembangunan</b>	<b>F</b> <b>Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan</b>	13. Pelan Modal Insan Strategik	Dibangunkan	<b>A</b>
	<b>G</b> <b>Persekitaran korporat yang kondusif</b>	14. Indeks Tahap Keterlibatan Berterusan (tinjauan dijalankan dua tahun sekali bagi mengukur tahap keterlibatan kakitangan)	-	<b>F</b> <sup>12</sup>

<sup>1</sup> Kaji selidik konsumen dijalankan pada suku ke-4, 2016 dan keputusannya akan dilaporkan dalam Laporan Tahunan 2016.

<sup>2</sup> Pembangunan Model Penilaian sedang berjalan lancar dan dijangka selesai pada tahun 2017.

<sup>3</sup> Pembangunan Sistem Pengurusan Maklumat Pembayaran Balik Premium berjalan lancar seperti yang dijadualkan.

<sup>4</sup> Pembangunan Sistem Pengurusan Tuntutan berjalan lancar seperti yang dijadualkan.

<sup>5</sup> Inisiatif ini telah dirancang bagi pembangunan pada tahun 2017 sejajar dengan Rancangan 2017 - 2019.

<sup>6</sup> Inisiatif ini telah diberi keutamaan semula, untuk menjalankan penilaian menyeluruh bagi meningkatkan peraturan-peraturan, susulan daripada perundingan dengan industri insurans dan orang awam.

<sup>7</sup> Peraturan-peraturan yang disemak semula ini dijangka diwartakan pada tahun 2017.

<sup>8</sup> Pembangunan rangka kerja ini telah selesai dan program pematuhan akan dibangunkan selepas Peraturan-Peraturan Maklumat Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans disempurnakan.

<sup>9</sup> Mencapai perbezaan positif bagi perbelanjaan operasi dan modal.

<sup>10</sup> Penyelidikan dan pembangunan berkaitan inisiatif ini telah disempurnakan. Pelan komprehensif untuk menyatukan pelbagai kemungkinan aturan akan dibangunkan sejajar dengan Rancangan 2017 - 2019 termasuk mengambil kira pembangunan berkaitan perancangan resolusi.

<sup>11</sup> Menyempurnakan inisiatif strategik dan operasi utama yang telah diberi keutamaan dalam Pelan Strategik Teknologi Maklumat PIDM. Sistem operasi berikut telah dijadualkan semula bagi alasan-alasan berikut:

- pembangunan sistem Penilaian Risiko Organisasi dan Pengauditan dan papan pemuka pengurusan prestasi korporat bagi sistem maklumat eksekutif. Penyelidikan seterusnya disyorkan bagi memastikan pengoptimuman integrasi data antara pengurusan risiko dan audit dengan fungsi-fungsi lain seperti perancangan dan pematuhan; dan
- pembangunan papan pemuka Sistem Maklumat Sumber Manusia bagi sistem maklumat eksekutif. Ini telah diberi keutamaan semula sementara menunggu peningkatan kepada Sistem Pengurusan Latihan dan Pembangunan serta modul pengurusan prestasi dalam Sistem Maklumat Sumber Manusia.

<sup>12</sup> Inisiatif ini akan dijalankan pada tahun 2017 sejajar dengan Rancangan 2017 - 2019.

## PERBANDINGAN PRESTASI DENGAN RANCANGAN KORPORAT TAHUN SEBELUMNYA

### PRESTASI KEWANGAN LEPAS – TAHUN 2016

#### (a) Keputusan Operasi

	2016 Unjuran*	2016 Bajet	Perbezaan	
	RM'000	RM'000	RM'000	(%)
<b>PENDAPATAN</b>				
Premium dan Levi	468,250	512,550	(44,300)	(9)
Pendapatan Pelaburan	88,950	91,350	(2,400)	(3)
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>557,200</b>	<b>603,900</b>	<b>(46,700)</b>	<b>(8)</b>
<b>PERBELANJAAN OPERASI</b>				
Manfaat Kakitangan	57,800	58,750	950	2
Am dan Pentadbiran	33,300	48,150	14,850	31
Komunikasi	10,900	14,100	3,200	23
<b>Jumlah Perbelanjaan Operasi</b>	<b>102,000</b>	<b>121,000</b>	<b>19,000</b>	<b>16</b>
<b>Lebihan Bersih</b>	<b>455,200</b>	<b>482,900</b>	<b>(27,700)</b>	<b>(6)</b>

#### (b) Perbelanjaan Modal

	2016 Unjuran*	2016 Bajet	Perbezaan	
	RM'000	RM'000	RM'000	(%)
<b>PERBELANJAAN MODAL</b>				
Kenderaan Motor	300	450	150	33
Perabot, Kelengkapan dan Ubah Suai Pejabat	2,120	3,160	1,040	33
Sistem Komputer dan Peralatan Pejabat	4,730	7,590	2,860	38
<b>Jumlah Perbelanjaan Modal</b>	<b>7,150</b>	<b>11,200</b>	<b>4,050</b>	<b>36</b>

\* Unjuran 2016 = Sebenar (Jan - Nov 2016) + Unjuran (Dis 2016)



## PERBANDINGAN PRESTASI DENGAN RANCANGAN KORPORAT TAHUN SEBELUMNYA

### (c) Ulasan Prestasi Kewangan 2016

#### Lebih Bersih

Perbadanan mengunjurkan lebih bersih operasi sebanyak RM455.2 juta, lebih rendah berbanding bajet tahun 2016, iaitu sebanyak RM482.9 juta. Perbezaan sebanyak RM27.7 juta atau 6% ini adalah terutamanya disebabkan oleh penerimaan premium atau levi yang lebih rendah. Perbezaan ini juga diimbangi oleh perbelanjaan operasi yang lebih rendah daripada jangkauan.

#### Pendapatan

Jumlah premium dan levi diterima daripada institusi ahli pada tahun ini adalah sebanyak RM468.2 juta, lebih rendah berbanding bajet sebanyak RM44.3 juta atau 9%. Ini disebabkan terutamanya kategori premium atau levi yang lebih baik bagi sesetengah institusi ahli berbanding bajet, hasil daripada usaha institusi ahli mengukuhkan paras modal mereka dalam persekitaran operasi yang mencabar.

Keseluruhan pendapatan pelaburan bagi tahun ini diunjurkan berjumlah RM89 juta, iaitu RM2.4 juta atau 3% lebih rendah berbanding bajet. Ini disebabkan Kadar Hasil Efektif Purata Wajaran lebih rendah, sebanyak 25 mata asas berbanding Kadar Hasil Efektif Purata Wajaran yang dibajetkan pada 3.25%. Ini selaras dengan keseluruhan purata prestasi Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Kadar Dasar Semalaman seperti yang diumumkan oleh BNM pada November 2016.

#### Perbelanjaan Operasi

Jumlah perbelanjaan operasi sebanyak RM102 juta adalah lebih rendah berbanding bajet, sebanyak 16% atau RM19 juta. Perbezaan ini disebabkan terutamanya oleh fi khidmat profesional dan perundingan yang lebih rendah berkaitan dengan projek Perancangan Pemulihan dan Resolusi kerana kos bagi skop projek yang dipersetujui jauh lebih rendah berbanding bajet, yang telah memberi perbezaan positif. Selain daripada itu, perbelanjaan berkaitan dengan Pusat Pemulihan Bencana juga lebih rendah berbanding bajet disebabkan penangguhan pengoperasian Pusat Pemulihan Bencana tersebut.

Bagi perbelanjaan berkaitan dengan komunikasi, perbelanjaan berkaitan perhubungan awam dan pengiklanan adalah lebih rendah disebabkan penggunaan bahan pengiklanan yang sedia ada, susulan daripada kejayaan kempen pengiklanan Lat. Selain itu, penerbitan bahan-bahan latihan telah ditangguhkan ke tahun 2017 berikutan pengutamaan semula Peraturan-Peraturan Maklumat Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

#### Perbelanjaan Modal

Perbelanjaan modal dijangka sebanyak RM7.1 juta, iaitu sebanyak 36% atau RM4 juta lebih rendah berbanding bajet, disebabkan terutamanya oleh penjimatan daripada pemerolehan kelengkapan dalaman bagi Pusat Pemulihan Bencana dan penjadualan semula beberapa inisiatif berkaitan Teknologi Maklumat seperti projek pengukuhan daya tahan infrastruktur Teknologi Maklumat dan sistem pentadbiran operasi yang lain.

#### Metodologi Peruntukan Kos

Sepanjang tahun ini, kami memantau, membezakan, merekod dan memperuntukkan perbelanjaan operasi dan modal antara dua sistem perlindungan dan enam Kumpulan Dana masing-masing. Bagi tahun 2016, peruntukan perbelanjaan bagi Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans masing-masing sebanyak 78% dan 22%, manakala perbelanjaan modal masing-masing sebanyak 83% dan 17%.

Secara ringkasnya, kami mencapai perbezaan positif bagi kedua-dua perbelanjaan operasi dan modal kami kerana kami terus mempraktikkan pengurusan kewangan berhemat dan kawalan dalaman yang kukuh. Sepanjang tahun ini, kami melaksanakan inisiatif-inisiatif utama yang dirancang seperti yang digariskan dalam Rancangan Korporat kami dan kesemua inisiatif ini telah disempurnakan mengikut rancangan kewangan yang diluluskan.



**BAHAGIAN**

**4**

**LANGKAH-LANGKAH  
SETERUSNYA**

Ringkasan Rancangan Korporat 2017 - 2019

Memantau Kemajuan Berbanding Rancangan yang Diluluskan

# LANGKAH-LANGKAH SETERUSNYA

## **RINGKASAN RANCANGAN KORPORAT 2017 - 2019**

Ringkasan Rancangan Korporat 2017 - 2019 merupakan sebuah rancangan peringkat korporat, yang meringkaskan inisiatif-inisiatif korporat yang akan dilaksanakan semasa tempoh perancangan ini, untuk disebarluaskan kepada orang awam. Inisiatif-inisiatif ini akan dilaksanakan ke seluruh Perbadanan bagi pembangunan Petunjuk Prestasi Utama individu. Program penggajian dan ganjaran Perbadanan berhubungkait dengan pencapaian sasaran tahunan yang digariskan dalam Rancangan ini.

## **MEMANTAU KEMAJUAN BERBANDING RANCANGAN YANG DILULUSKAN**

Kemajuan inisiatif-inisiatif bagi tahun 2017 - 2019 akan dipantau dan dilaporkan kepada kedua-dua Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah. Laporan tersebut juga membentangkan keputusan dan perbezaan kewangan utama. Sebagai sebahagian daripada proses pemantauan kemajuan dalam mencapai sasaran, unjuran kewangan juga disediakan.

Kami akan terus memantau persekitaran kami bagi memastikan Rancangan Korporat kami kekal relevan. Semakan semula mungkin dibuat terhadap Rancangan Korporat ini, yang mana bersesuaian, yang mana terdapat perubahan dalam andaian atau keutamaan akibat daripada perkembangan negatif yang ketara.



**BAHAGIAN**

**5**

**KESIMPULAN**

Halangan Pencapaian Rancangan Korporat  
Ringkasan

# KESIMPULAN

## HALANGAN PENCAPAIAN RANCANGAN KORPORAT

Aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan terhadap sesebuah institusi ahli yang bermasalah atau kehilangan kakitangan utama boleh mendorong kepada pengutamaan semula inisiatif yang dirancang dan penumpuan semula sumber tersedia kami terhadap usaha yang sedang dijalankan. Bagi menangani potensi risiko-risiko yang boleh menghalang pencapaian Rancangan ini, kami telah membangunkan pelan tindakan berikut:

- membuat pengutamaan semula inisiatif kami dan menyelaraskannya dengan sumber tersedia kami dan pada masa yang sama, mengekalkan operasi semua fungsi kritikal, sekiranya aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan berlaku semasa tempoh perancangan ini; dan
- terus memantau perancangan pengurusan penggantian bagi jawatan-jawatan utama untuk memastikan kesan daripada kehilangan kakitangan penting dapat dikurangkan.

Meskipun peristiwa-peristiwa sedemikian adalah di luar kawalan kami, kami akan terus memantau persekitaran operasi kami bagi memastikan risiko-risiko yang boleh menghalang pencapaian Rancangan kami dapat diuruskan dan ditangani.

## RINGKASAN

Pembentukan rejim resolusi efektif di Malaysia akan menyokong kekukuhan sistem kewangan dan pertumbuhan ekonomi yang seiring dengannya. Pada dasarnya, amatlah diharapkan, sebagai sebahagian daripada rejim ini, setiap institusi ahli akan mempunyai pelan resolusi khusus atau "wasiat hidup" dan dalam membentuk pelan resolusi yang efektif, halangan (sekiranya ada) bagi pembentukan resolusi efektif ini akan dikurangkan.

Sepanjang tempoh perancangan ini, Rangka Kerja Perancangan Resolusi Perbadanan akan diuji dan diperincikan menerusi latihan perintis dengan institusi khusus. Sebaik sahaja Rangka Kerja ini dimuktamadkan dan dirundingkan, keperluan kawal selia akhir akan menetapkan jangkaan dan membimbing institusi ahli untuk membangunkan pelan resolusi mereka, memastikan kebolehsesuaian setiap institusi ahli. Atas dasar pelan resolusi ini, Perbadanan juga akan melaksanakan penilaian kebolehsesuaian bagi setiap institusi ahli, mengguna pakai insentif kawal selia, yang mana bersesuaian.

Untuk melaksanakan inisiatif penting dan mencabar ini dengan jayanya yang akan mengukuhkan kestabilan sistem kewangan negara, Perbadanan akan mengadakan perundingan dan komited untuk bekerjasama rapat dan berkolaborasi dengan industri, peserta jaringan keselamatan lain dan pemegang kepentingan berkaitan, di dalam negara dan di peringkat antarabangsa.

Pencapaian matlamat strategik dan jangka panjang Perbadanan termasuk aspirasinya untuk membentuk rejim resolusi efektif kepada negara juga bergantung kepada dua elemen kritikal, seperti yang dibentangkan dalam keutamaan strategik kami – modal insan dan pengurusan pemegang kepentingan Perbadanan.

Strategi dan program pengurusan modal insan Perbadanan dibentuk bagi menarik minat, melantik, membangun, memberi ganjaran dan mengekalkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan kepelbagaian, berorientasikan keputusan, dan terus belajar serta aktif. Strategi ini adalah untuk memastikan kakitangan kami mempunyai kemahiran dan keupayaan, dan terlibat sepenuhnya dalam memenuhi keperluan keupayaan semasa dan masa depan, serta memenuhi keperluan kepimpinan dan pengurusan penggantian.

Penglibatan pemegang kepentingan terus kekal penting bagi pelaksanaan mandat, visi dan misi Perbadanan yang efektif, dan akan diteruskan – bukan sahaja dengan orang awam, tetapi juga dengan pemegang kepentingan utama Perbadanan, iaitu institusi ahli, rakan kongsi strategik dan peserta jaringan keselamatan kewangan lain, di dalam negara dan di peringkat antarabangsa.

Kesimpulannya, kami yakin keutamaan strategik kami akan menyokong usaha kami untuk memenuhi visi dan mandat kami. Inisiatif kami bagi setiap keutamaan strategik akan meningkatkan kemampuan dan kejayaan berterusan PIDM bagi tempoh jangka panjang. Ini merupakan langkah-langkah penting ke arah mencapai matlamat jangka panjang Perbadanan dan seterusnya, ke arah menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan negara.



# LAMPIRAN

Mengenai Perbadanan

Institusi Ahli

Lembaga Pengarah

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif

Rangka Kerja Pengurusan Strategik

Butiran Hubungan

## MENGENAI PERBADANAN

PIDM merupakan badan berkanun yang ditubuhkan pada tahun 2005 di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM). Peranan kami di bawah Akta PIDM adalah untuk mentadbir dan menyediakan insurans deposit bagi melindungi pendeposit terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit mereka serta perlindungan manfaat takaful dan insurans untuk pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku kegagalan institusi ahli. Di samping itu, PIDM diberi kuasa dari segi undang-undang untuk bertindak sebagai pihak berkuasa resolusi bagi institusi ahlinya.

Sebagai sebahagian penting daripada jaringan keselamatan kewangan negara, kami mempunyai kuasa yang luas untuk menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan, menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang mantap, melaksanakan intervensi awal dan resolusi terhadap institusi ahli bermasalah dan bertindak demi kepentingan pendeposit dan pemilik polisi.

PIDM melapor kepada Parlimen menerusi Menteri Kewangan. Kami juga dikenali sebagai *Malaysia Deposit Insurance Corporation*, terutamanya dalam konteks antarabangsa.



# INSTITUSI AHLI

Institusi ahli PIDM terdiri daripada:

- bank perdagangan dan bank Islam, termasuk bank luar negara yang diperbadankan dan beroperasi di Malaysia, yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; dan
- syarikat insurans yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 untuk menjalankan perniagaan insurans hayat dan / atau insurans am di Malaysia dan pengendali takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk menjalankan perniagaan takaful keluarga dan / atau takaful am di Malaysia.

Pada 31 Disember 2016, institusi ahli PIDM ialah seperti berikut:

## BANK PERDAGANGAN

1. Affin Bank Berhad
2. Alliance Bank Malaysia Berhad
3. AmBank (M) Berhad
4. Bangkok Bank Berhad
5. Bank of America Malaysia Berhad
6. Bank of China (Malaysia) Berhad
7. Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ (Malaysia) Berhad \*
8. BNP Paribas Malaysia Berhad \*
9. CIMB Bank Berhad
10. Citibank Berhad \*
11. Deutsche Bank (Malaysia) Berhad \*
12. Hong Leong Bank Berhad
13. HSBC Bank Malaysia Berhad
14. India International Bank (Malaysia) Bhd
15. Industrial and Commercial Bank of China (Malaysia) Berhad
16. J.P. Morgan Chase Bank Berhad
17. Malayan Banking Berhad
18. Mizuho Bank (Malaysia) Berhad
19. National Bank of Abu Dhabi Malaysia Berhad
20. OCBC Bank (Malaysia) Berhad
21. Public Bank Berhad
22. RHB Bank Berhad
23. Standard Chartered Bank Malaysia Berhad
24. Sumitomo Mitsui Banking Corporation Malaysia Berhad
25. The Bank of Nova Scotia Berhad
26. The Royal Bank of Scotland Berhad
27. United Overseas Bank (Malaysia) Bhd \*

## BANK ISLAM

1. Affin Islamic Bank Berhad
2. Alliance Islamic Bank Berhad
3. Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad
4. AmBank Islamic Berhad
5. Asian Finance Bank Berhad
6. Bank Islam Malaysia Berhad
7. Bank Muamalat Malaysia Berhad
8. CIMB Islamic Bank Berhad
9. Hong Leong Islamic Bank Berhad
10. HSBC Amanah Malaysia Berhad
11. Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad
12. Maybank Islamic Berhad
13. OCBC Al-Amin Bank Berhad
14. Public Islamic Bank Berhad
15. RHB Islamic Bank Berhad
16. Standard Chartered Saadiq Berhad

## SYARIKAT INSURANS

1. AIA Bhd.
2. AIG Malaysia Insurance Berhad
3. Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad
4. Allianz Life Insurance Malaysia Berhad
5. AmGeneral Insurance Berhad
6. AmMetLife Insurance Berhad
7. AXA Affin General Insurance Berhad
8. AXA Affin Life Insurance Berhad
9. Berjaya Sompoo Insurance Berhad
10. Chubb Insurance Malaysia Berhad (dahulu dikenali sebagai ACE Jerneh Insurance Berhad)
11. Etiqa Insurance Berhad
12. Gibraltar BSN Life Berhad
13. Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad

14. Hong Leong Assurance Berhad
15. Liberty Insurance Berhad
16. Lonpac Insurance Bhd
17. Manulife Insurance Berhad
18. MCIS Insurance Berhad
19. MPI Generali Insurans Berhad
20. MSIG Insurance (Malaysia) Bhd.
21. Overseas Assurance Corporation (Malaysia) Berhad
22. Pacific & Orient Insurance Co. Berhad
23. Progressive Insurance Bhd
24. Prudential Assurance Malaysia Berhad
25. QBE Insurance (Malaysia) Berhad
26. RHB Insurance Berhad
27. The Pacific Insurance Berhad
28. Sun Life Malaysia Assurance Berhad
29. Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad
30. Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.
31. Tune Insurance Malaysia Berhad
32. Zurich Insurance Malaysia Berhad

## PENGENDALI TAKAFUL

1. AIA Public Takaful Bhd.
2. AmMetLife Takaful Berhad
3. Etiqa Takaful Berhad
4. Great Eastern Takaful Berhad
5. Hong Leong MSIG Takaful Berhad
6. HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Berhad
7. Prudential BSN Takaful Berhad
8. Sun Life Malaysia Takaful Berhad
9. Syarikat Takaful Malaysia Berhad
10. Takaful Ikhlas Berhad
11. Zurich Takaful Malaysia Berhad (dahulu dikenali sebagai MAA Takaful Berhad)

\* menandakan bank ini menyediakan perkhidmatan perbankan Islam di bawah Skim Perbankan Islam (SPI). SPI ditakrifkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai skim perbankan Islam yang disediakan oleh institusi berlesen untuk menjalankan perniagaan perbankan berasaskan prinsip-prinsip Islam



## LEMBAGA PENGARAH

PIDM ditadbir oleh sembilan orang ahli Lembaga Pengarah, dengan perwakilan daripada sektor awam dan swasta. Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas urusan dan hal ehwal PIDM.

Pengerusi bukan eksekutif mengetuai Lembaga Pengarah. Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang lain terdiri daripada dua Pengarah *ex officio*, iaitu Gabenor Bank Negara Malaysia dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, dan enam Pengarah bukan *ex officio*, dengan dua Pengarah daripada sektor awam atau mempunyai pengalaman dalam sektor awam, dan empat Pengarah daripada sektor swasta. Di bawah Akta PIDM, Pengerusi perlu mempunyai pengalaman dalam sektor swasta yang berkaitan. Kesemua ahli Pengarah bukan *ex officio*, termasuk Pengerusi dilantik oleh Menteri Kewangan.



**Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias**  
Pengerusi



**Datuk Seri Muhammad Ibrahim**  
Pengarah *Ex Officio*



**Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah**  
Pengarah *Ex Officio*



**Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi Yusoff**  
Pengarah Sektor Awam



**Dato Dr. Nik Ramlah Mahmood**  
Pengarah Sektor Awam



**Mr. George Anthony David Dass**  
Pengarah Sektor Swasta



**Mr. Alex Foong Soo Hah**  
Pengarah Sektor Swasta



**Encik Mohamad Abdul Halim Ahmad**  
Pengarah Sektor Swasta



**Dato' Dr. Gan Wee Beng**  
Pengarah Sektor Swasta

## JAWATANKUASA PENGURUSAN EKSEKUTIF

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif PIDM dipengerusikan oleh Pengurus Besar Eksekutif dan Kaunsel Am yang bukan ahli Lembaga Pengarah. Ketua Pegawai Eksekutif merupakan ahli *ex officio* jawatankuasa ini. Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif merupakan forum perbincangan isu-isu berkaitan dengan pengurusan dan operasi harian PIDM. Ahli-ahlinya terdiri daripada Ketua-Ketua Bahagian yang bertanggungjawab menguruskan urusan dan hal ehwal harian PIDM, dan menyokong Lembaga Pengarah dalam memenuhi tanggungjawab tadbir urusnya. Jawatankuasa ini bertujuan untuk memudahkan komunikasi yang efektif, kerjasama berpasukan, keupayaan menyesuaikan diri kepada perubahan dan kerjasama efektif dalam semua bidang kerja PIDM, serta bertindak sebagai saluran maklumat kepada semua kakitangan.


1. **Jean Pierre Sabourin**  
Ketua Pegawai Eksekutif
2. **Lim Yam Poh**  
Pengurus Besar Eksekutif dan Kaunsel Am
3. **Rafiz Azuan Abdullah**  
Pengurus Besar Eksekutif
4. **Lee Yee Ming**  
Pengurus Besar Kanan, Perancangan Resolusi
5. **Affeiz Abdul Razak**  
Ketua Pegawai Risiko dan Pengurus Besar,  
Pengurusan Risiko Organisasi
6. **Lim Lee Na**  
Setiausaha Korporat
7. **Noorida Baharuddin**  
Ketua Pegawai Kewangan dan Pengurus Besar,  
Kewangan dan Pentadbiran
8. **Wan Ahmad Ikram Wan Ahmad Lotfi**  
Ketua Audit Dalaman dan Pengurus Besar,  
Audit dan Khidmat Perundingan
9. **Afiza Abdullah**  
Pengurus Besar, Polisi dan Antarabangsa
10. **Chua Ee Leen**  
Pengurus Besar, Perancangan Strategik
11. **Helena Prema John**  
Pengurus Besar, Sumber Manusia
12. **Lim Kong Kuan**  
Pengurus Besar, Intervensi dan Resolusi Kegagalan
13. **Lim Tai Ching**  
Pengurus Besar, Perundangan
14. **Mohd Izazee Ismail**  
Pengurus Besar, Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko
15. **Syed Mohammed Iddid Dato' Syed Ahmed Iddid**  
Pengurus Besar, Komunikasi dan Hal Ehwal Awam



# RANGKA KERJA PENGURUSAN STRATEGIK

Piramid pengurusan strategik kami memaparkan bagaimana kami membangunkan Rancangan Korporat kami dengan menyelaraskan inisiatif-inisiatif kami terhadap objektif korporat bagi mencapai visi dan misi untuk memenuhi mandat kami. Rejim kebertanggungjawaban dan pelaporan di bahagian paling bawah piramid memerlukan pemantauan berkala dan pelaporan kemajuan kami berbanding sasaran yang ditetapkan dalam Rancangan Korporat. Ini sejajar dengan komitmen kami ke arah kebertanggungjawaban dan ketelusan yang lebih tinggi dalam memenuhi mandat kami.

Gambaran keseluruhan rangka kerja pengurusan strategik kami adalah seperti berikut.



## MANDAT

Mandat Perbadanan ialah untuk:

- (a) mentadbir sistem insurans deposit serta sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans;
- (b) menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit dan menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans;
- (c) menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan; dan
- (d) menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Dalam mencapai matlamat di bawah perenggan (b) dan (d), Perbadanan akan bertindak dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

## VISI

Menjadi pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan dan resolusi dengan amalan terbaik.

## MISI

Melaksanakan mandat kami secara efektif, dengan komitmen untuk membawa perubahan kepada komuniti kita dan kakitangan kami.

## RANGKA KERJA PENGURUSAN STRATEGIK

### NILAI KORPORAT

Kakitangan PIDM mendukung lima Nilai Korporat dan terus berusaha untuk memenuhi piawaian etika dan urusan tertinggi dalam semua aspek tugas mereka.

 <p><b>Pengelolaan Kewangan yang Berhemat</b></p>	<p>PIDM harus melaksanakan integriti kewangan dalam pengurusan operasinya.</p>
 <p><b>Kecemerlangan dan Profesionalisme</b></p>	<p>PIDM menggalakkan kecemerlangan dan profesionalisme dalam mengendalikan urusan dan hal ehwalnya. Kakitangan perlu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• bersikap profesional;</li> <li>• didorong oleh prestasi;</li> <li>• mengambil risiko pintar untuk mencapai penyelesaian yang kreatif dan inovatif;</li> <li>• berusaha mencapai kecemerlangan dalam semua aspek kerja;</li> <li>• bertanggungjawab atas tindakan mereka; dan</li> <li>• menerima kebertanggungjawaban untuk mencapai hasil yang disasarkan.</li> </ul>
 <p><b>Hormat dan Adil</b></p>	<p>Kakitangan harus saling menghormati antara satu sama lain yang mana mereka perlu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• menghargai dan menghormati kepelbagaian idea dan pandangan;</li> <li>• menjalin hubungan kerjasama dengan orang lain berasaskan kepada kepercayaan dan rasa hormat; dan</li> <li>• menghormati perasaan orang lain.</li> </ul> <p>PIDM harus mengurus dan menyokong kakitangannya secara adil dan konsisten dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• menyediakan persekitaran yang mana kakitangan diberikan peluang sama rata dan boleh menunjukkan prestasi optimum;</li> <li>• memastikan kakitangan diberi pertimbangan bagi kenaikan pangkat berdasarkan keupayaan, prestasi kerja dan kecenderungan;</li> <li>• membahagikan tugas dengan sewajarnya dengan kuasa dan tanggungjawab yang jelas;</li> <li>• menggalakkan inovasi dan bekerja dalam suasana berpasukan; dan</li> <li>• menyatakan harapan dan memantau prestasi.</li> </ul>
 <p><b>Integriti dan Kebolehpercayaan</b></p>	<p>Kakitangan akan mematuhi piawaian etika tertinggi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. Mereka harus:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• bertindak dan berurusan dengan niat yang ikhlas;</li> <li>• menampilkan tahap integriti yang tinggi; dan</li> <li>• mewujudkan suasana kepercayaan dan keyakinan.</li> </ul>
 <p><b>Komunikasi dan Kerja Berpasukan</b></p>	<p>Kakitangan akan mengekalkan komunikasi terbuka dan bekerjasama ke arah mencapai mandat PIDM. Kakitangan akan bekerjasama secara efektif antara satu sama lain bagi mencapai matlamat organisasi yang sama yang mana mereka harus:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• melibatkan diri secara aktif;</li> <li>• menyediakan dan memperoleh input;</li> <li>• mengiktiraf sumbangan orang lain;</li> <li>• berkomunikasi dengan jelas; dan</li> <li>• bersikap terbuka dan mudah dihubungi pemegang kepentingan.</li> </ul>

## RANGKA KERJA PENGURUSAN STRATEGIK

### OBJEKTIF KORPORAT

Objektif Korporat kami adalah berdasarkan kepada tiga perspektif, iaitu Pemegang Kepentingan, Tadbir Urus dan Proses Dalaman, serta Pembelajaran dan Pembangunan.



Pemegang Kepentingan

#### Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat

Pemegang kepentingan yang bermaklumat adalah penting kepada keberkesanan Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Kami akan terus berinteraksi dengan semua pemegang kepentingan dan orang awam serta mendidik mereka menerusi kempen kesedaran awam menyeluruh dan inisiatif kami serta mengambil kira maklum balas pemegang kepentingan kami apabila membangunkan peraturan dan garis panduan kami.

#### Perkongsian efektif

Berdasarkan model urusan kami, perkongsian efektif adalah penting bagi memenuhi mandat kami. Kami akan terus bekerjasama rapat dengan rakan kongsi strategik kami Bank Negara Malaysia, badan pengawal selia lain, penginsurans deposit dan skim jaminan insurans antarabangsa serta penyedia perkhidmatan utama kami. Kami juga akan terus mengekalkan hubungan kerjasama yang baik dengan institusi ahli dan persatuan industri mereka.



Tadbir Urus dan Proses Dalaman

#### Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik

Kami menunjukkan bahawa kami ditadbir dan diurus dengan baik menerusi tata laku urusan dan amalan tadbir urus yang mantap, serta mengguna pakai rangka kerja pengurusan risiko organisasi dan kawalan dalaman yang efektif. Bagi mencapai nilai-nilai ini, kami menanda aras diri kami kepada amalan tadbir urus dan pengurusan terkemuka.

#### Keupayaan penilaian dan pemantauan risiko, intervensi serta resolusi kegagalan yang kukuh

Oleh sebab kesediaan operasi kekal sebagai fokus utama Perbadanan, kami akan terus mengekalkan keupayaan penilaian dan pemantauan risiko yang kukuh, serta membangunkan kapasiti dan keupayaan bagi mengendalikan aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan dengan efektif. Kami juga menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang mantap dalam sistem kewangan menerusi Sistem Premium Berbeza, Sistem Levi Berbeza serta polisi, peraturan dan garis panduan berkaitan. Selain itu, kami akan terus menyokong inisiatif FIDE FORUM, alumni Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan, yang bertujuan meningkatkan kualiti tadbir urus korporat dalam institusi kewangan.

#### Amalan urusan dan kewangan yang mantap

Bagi mentadbir Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dengan efektif, kami terus memastikan polisi, proses, prosedur dan infrastruktur yang kukuh untuk kekal terkini dan relevan. Amalan mantap yang mentadbir operasi kami akan berdasarkan kepada usaha menanda aras diri kami kepada amalan terbaik antarabangsa yang berkaitan. Kami juga akan terus membangunkan kapasiti dan keupayaan bagi memastikan kecemerlangan operasi supaya kami dapat memenuhi peranan dan tanggungjawab kami dengan efektif.



Pembelajaran dan Pembangunan

#### Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan

Kakitangan kami merupakan aset terpenting. Kami menyediakan pakej penggajian dan program yang kompetitif untuk menarik minat dan mengekalkan tenaga kerja dengan kepakaran, pengalaman dan tingkah laku yang sesuai. Kami komited dalam menyediakan peluang pembelajaran dan pembangunan secara berterusan kepada kakitangan kami untuk meningkatkan kemahiran dan kepakaran mereka supaya mereka dapat mencapai potensi mereka sepenuhnya.

#### Persekitaran korporat yang kondusif

Kami memupuk budaya dan persekitaran korporat yang kondusif dengan menerapkan nilai korporat kami serta menyediakan persekitaran kerja yang selamat, sihat, bebas daripada gangguan serta menggalakkan keseimbangan kerja dan kehidupan.

## BUTIRAN HUBUNGAN



### **TALIAN MAKLUMAT BEBAS TOL**

1-800-88-1266

Isnin hingga Jumaat  
8.30 pagi hingga 5.30 petang

### **TALIAN UMUM**

603 - 2173 7436

603 - 2265 6565



### **FAKS**

603 - 2173 7527

603 - 2260 7432



### **LAMAN WEB**

[www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)

Soalan-soalan lazim mengenai PIDM, Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans boleh didapati di laman web kami



### **EMEL**

[info@pidm.gov.my](mailto:info@pidm.gov.my)



### **ALAMAT**

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam  
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia  
Aras 12, Menara Axiata,  
No. 9, Jalan Stesen Sentral 5,  
Kuala Lumpur Sentral,  
50470 Kuala Lumpur.